

初中一年级新生入学考试

(2022 年)

国文语文测验

(30 分钟)

Arahan:

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Antaranya, ada satu sahaja jawapan yang betul. Pilih jawapan itu. Kemudian, tandakan jawapan anda pada kertas jawapan. Hitamkan ruangan yang sama dengan jawapan yang anda pilih.

Soalan 1 hingga soalan 5

Teliti jadual di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Yusri,

1. Petang ini pasukan hoki sekolah kita akan mengadakan perlawanan persahabatan di padang Sekolah Kebangsaan Pangkal Nering.
2. Pada pukul 4.00 petang nanti, semua pemain mesti berada di padang sekolah berkenaan. Perlawanan dijangka akan diadakan tiga puluh minit kemudian.
3. Sila arahkan para pemain berkumpul di tempat letak kereta sekolah kita. Bas akan datang untuk membawa kamu ke sana pada pukul 3.30 petang. Perjalanan dijangka mengambil masa setengah jam.
4. Ambil jersi berwarna hijau kerana pasukan lawan akan memakai jersi berwarna kuning. Pastikan bilangan jersi mencukupi dan lengkap bernombor. Jangan lupa pula membawa kayu dan bola hoki. Barang-barang tersebut disimpan di dalam stor. Kuncinya ada pada Cikgu Linda.
5. Ambil minuman di kantin dan bawa bersama ke sana. Cikgu sudah uruskan soal ini dengan pengusaha kantin. Cikgu akan datang ke sana tetapi lewat sedikit kerana cikgu ada mesyuarat. Jangan bimbang, Cikgu Linda akan membantu anda semua. Jumpa di sana nanti, terima kasih.

Daripada: Cikgu Jahnilawati

1. Pukul berapakah perlawanan hoki itu akan diadakan?

A 4.00 petang	B 4.30 petang
C 4.40 petang	D 5.00 petang

2. Apakah jawatan Yusri dalam pasukan hoki itu?
- | | |
|---------------------------|--------------------|
| A Setiausaha pertandingan | B Pengurus pasukan |
| C Ketua pasukan | D Jurulatih hoki |
3. Mengapakah pasukan hoki itu memilih jersi berwarna hijau?
- A Supaya mudah dipandang
B Supaya kelihatan lebih bergaya
C Supaya berbeza dengan pasukan lawan
D Supaya pemain-pemain lebih bersemangat
4. Cikgu Linda mungkin sekali
- A guru pengiring kepada pasukan hoki itu.
B guru pendidikan jasmani.
C guru rumah sukan.
D guru kokurikulum.
5. Berikut ialah tujuan perlawanan persahabatan itu diadakan **kecuali**
- A untuk menguji kekuatan pasukan lawan.
B meningkatkan kecerdasan dan semangat.
C persiapan ke perlawanan akhir.
D menambah pengalaman bermain.

Soalan 6 hingga soalan 10

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Aku memang minat mengembara. Aku ingin mengembara dengan basikal. Setelah mendapat keizinan keluarga, aku pun mengayuh basikal menuju ke utara dengan berbekalkan sejumlah wang.

Pada hari pertama, aku mengayuh sejauh 40 kilometer. Selepas menempuh pelbagai cabaran dan dugaan, akhirnya aku bermalam di sebuah masjid, di bandar Gurun. Pada hari kedua, perjalanan sejauh 50 kilometer aku tempuhi dalam hujan lebat. Aku singgah di rumah kenalanku, Wafi. Aku menceritakan keinginanaku ke utara. Wafi ingin mengikutiku. Malam itu, aku bermalam pula di rumahnya.

Keesokannya, aku dan Wafi mengayuh basikal ke Alor Setar. Tayar basikal Wafi *pancit*. Wafi membonceng basikalku sambil menuntun basikalnya hingga ke kedai basikal. Malam itu, kami tidur di masjid. Sempat jugalah kami berbual tentang kisah lama.

Pada hari berikutnya, kami meneruskan kembara ke Bukit Kayu Hitam. Sepanjang perjalanan, kami melihat panorama yang indah, sawah padi yang menguning, bukit-bukau dan gunung-ganang yang menghijau serta program pembangunan yang pesat di sana sini.

Akhirnya, kami selamat sampai ke rumah datuk. Datuk terpaku apabila melihat aku dan Wafi tercegat di hadapan rumahnya.

11. Mereka baru sahaja menerima surat pengesahan lawatan _____ Syarikat Penerbitan Daya Usaha.
A di B dari C kepada D daripada
12. Pembinaan tukun tiruan di perairan negara ini telah berjaya menambahkan hasil tangkapan _____.
A pesawah B nelayan C penoreh D petani
13. Mak Cik Intan menyuruh anak perempuannya mengangkat pakaian di jemuran apabila melihat langit agak_____.
A suram B mendung C malap D muram
14. “Wah, cantik _____ baju kebaya yang kamu pakai ini!” kata Cikgu Aileen kepada Anis.
A sungguh B terlalu C paling D agak
15. “_____, tanaman jagung pada musim ini kurang memuaskan!” keluh Pak Mail.
A Cis B Wah C Eh D Aduhai
16. Puan Aida memetik buah jambu itu _____ memasukkannya ke dalam bakul.
A lalu B serta C sambil D manakala

17. Kerja-kerja _____ sungai itu akan dimulakan pada minggu depan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran.
A mendalam B dalam C dalaman D mendalamkan
18. Pesakit itu berjaya _____ dengan bantuan mesin rawatan yang canggih.
A disembuhkan B menyembuhkan C sembuh D tersembuh
19. Cikgu Nazri mengambil masa selama _____ hari untuk menanda kertas ujian penulisan itu.
A sebilangan B beberapa C sebahagian D setiap
20. Pihak polis sedang menjalankan _____ bagi memastikan punca pertelingkahan penduduk di kawasan itu.
A uji minda B kaji selidik C soal siasat D temu ramah
21. Datuk mengambil sebatang cangkul untuk _____ lubang-lubang di kebun sayurnya.
A menimbus B mengacau C mengikis D menambak
22. Sebagai _____ Malaysia yang bertanggungjawab, kita perlulah sentiasa bekerjasama.
A olahraga B setiausaha C kakitangan D warganegara
23. Pegawai yang bertugas itu menjemput _____ pengunjung masuk ke dewan pameran
A separuh B setengah C semua D sebahagian

Soalan 24 hingga soalan 25 berdasarkan gambar 1.



Gambar 1

24. Mak Cik Sally sedang _____ bawang merah dan bawang putih.
A mencancang B menghiris C meracik D menetak
25. _____ hendak menggoreng sayur kailan untuk hidangan makan tengah hari.
A Dia B Kamu C Kami D Saya

独中初一

赶快来体验吧!

2个星期
免费试课

30网校 buxi

不满意不收费!

点击报名▶

想要询问其他年级或更多有关免费试课的详情，欢迎联络我们 (011-2818 3030) 哟!

https://wa.link/l1h4e2?utm_medium=pdf&utm_source=pdf_ad&utm_campaign=cis_entrance_exam

30网校 buxi

如果这些考卷帮到您，
希望您也可以与我们分享所持有的考卷。
不管是入学考卷，还是其他年级的考卷，
我们都无任欢迎哦!

30网校 f >

如果您有试卷想要提供，欢迎私信我们的面子书专页 [【30 网校】](#)，或者电邮至: hi@30.com.my

Soalan 26 hingga soalan 27

Pilih simpulan bahasa yang paling sesuai untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat di bawah ini.

26. Dina ibarat _____ kerana dia tidak boleh tahan dengan cuaca panas.
A puteri lilin
B raja sehari
C ayam tambatan
D dagang Pak Malau
27. Perangai dua beradik itu _____ kerana apabila bertemu mereka pasti bergaduh.
A bagai isi dengan kuku
B bagai anjing dengan kucing
C bagai gagak menggonggong telur
D bagai ibu ayam kehilangan anak

Soalan 28

Pilih ayat aktif yang betul.

28. Penjahat itu telah dihukum oleh tuan hakim.
A Tuan hakim telah menghukumkan penjahat itu.
B Penjahat itu telah menghukum tuan hakim.
C Tuan hakim telah menghukum penjahat itu.
D Penjahat itu telah terhukum oleh ketua hakim.

Soalan 29

Pilih ayat-ayat yang menggunakan kata yang bergaris dengan betul.

29. I Bas yang dipandu pantas itu melanggar sebuah kereta.
II Aini menjawab soalan Matematik dengan pantas.
III Angin yang bertiup pantas telah menumbangkan pokok kelapa itu.
IV Abang berlari dengan pantas untuk memenangi perlumbaan kali ini.
A I dan IV B II dan IV C II dan III D I dan III

Soalan 30

Pilih ayat yang betul.

- A Pesakit itu dibawa ke hospital dengan menaiki ambulans.
B Pekerja kilang elektronik itu kebanyakannya terdiri dari pekerja asing.
C Tumbuhan yang menumpang dengan pokok itu adalah pokok dedalu.
D Encik Nasrul memelihara tumbuhan akuatik itu di dalam mini akuariumnya.

***** SOALAN TAMAT. SEMOGA BERJAYA*****

国文科答案

1. B	2. C	3. C	4. A	5. C	6. A	7. D	8. D	9. C	10. B
11. D	12. B	13. B	14. A	15. D	16. A	17. D	18. A	19. B	20. C
21. A	22. D	23. C	24. B	25. A	26. A	27. B	28.C	29.B	30.A